

Tatakelakuan Global Eisai untuk Rakaniaga

Bagi merealisasikan falsafah korporat kami, Eisai telah membangunkan Piagam Tatakelakuan Perniagaan dan Kod Etika untuk membimbing pekerja dalam urusan perniagaan dengan mematuhi semua undang-undang dan piawaian etika yang berkaitan, sertamenyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menyediakan penyelesaian kepada isu sosial. Eisai juga telah menetapkan satu set piawaian tingkah laku yang diharapkan daripada Rakaniaga.

Tatakelakuan Global Eisai untuk Rakaniaga (“Kod”) terpakai kepada semua Rakaniaga dan pekerja mereka, termasuk kontraktor, ejen, pembekal, vendor dan semua entiti tempatan dan asing lain yang bertindak bagi pihak mereka di seluruh dunia (“Rakaniaga”).

Eisai adalah penandatangan kepada United Nations Global Compact (“UNGC”) yang menggariskan prinsip-prinsip yang menyokong hak asasi manusia, buruh dan alam sekitar serta menentang perhambaan moden dan rasuah. Eisai juga merupakan ahli Pharmaceutical Supply Chain Initiative (“PSCI”), sebuah organisasi NPO yang terdiri daripada syarikat-syarikat farmaseutikal global dan menyokong prinsipnya untuk pengurusan rantai bekalan yang bertanggungjawab (Prinsip PSCI). Kod ini adalah berdasarkan Prinsip PSCI yang menetapkan piawaian yang kami harapkan untuk dipatuhi oleh Rakaniaga berkenaan dengan pematuan undang-undang, etika, hak asasi manusia, kesihatan dan keselamatan, alam sekitar dan sistem pengurusan yang berkaitan.

Eisai mengharapkan Rakaniaganya memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Kod ini. Selain itu, Eisai mengharapkan Rakaniaganya untuk bekerjasama dalam menilai, mengaudit dan menangani sebarang isu yang berkaitan dengan perkara yang diterangkan dalam Kod ini. Kami berharap Kod ini akan menjadi lebih praktikal melalui penambahbaikan berterusan dan membawa kepada peningkatan nilai korporat bersama Rakaniaga.

1. Pematuhan Undang-undang

Rakaniaga hendaklah mengenal pasti dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan piawaian yang berkenaan.

2. Sistem Pengurusan

Rakaniaga hendaklah mewujudkan sistem pengurusan untuk mengekalkan kesinambungan perniagaan, memudahkan penambahbaikan berterusan dan pematuan terhadap jangkaan Kod ini berkaitan pematuan undang-undang, etika, hak asasi manusia, kesihatan dan keselamatan serta alam sekitar.

2.1. Budaya, Komitmen dan Akauntabiliti

Rakaniaga hendaklah menunjukkan komitmen terhadap konsep-konsep yang diterangkan dalam Kod ini dengan memperuntukkan sumber yang sesuai dan mengenal pasti kakitangan kanan yang bertanggungjawab. Tindakan ini bertujuan untuk mewujudkan budaya amalan dan tadbir urus yang bertanggungjawab.

2.2. Pengurusan Risiko

Rakaniaga hendaklah mempunyai mekanisme untuk menentukan dan mengurus risiko secara berterusan dalam semua bidang yang ditangani oleh Kod ini.

2.3. Penyumberan Mampan dan Kebolehkesehan

Rakaniaga hendaklah mewujudkan sistem untuk menjalankan usaha wajar secara berkala terhadap rantai bekalan mereka sendiri bagi mempromosikan sumber yang sah dan mampan.

2.4. Latihan dan Kecekapan

Rakaniaga hendaklah merancang dan melaksanakan program latihan untuk memastikan pengurusan dan pekerja mencapai tahap pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang sesuai supaya dapat memenuhi jangkaan dalam Kod ini.

2.5. Dokumentasi

Rakaniaga hendaklah mengekalkan dokumentasi yang diperlukan untuk menunjukkan pematuan terhadap



Kod dan pematuhan kepada peraturan yang berkenaan.

2.6. Penambahbaikan Berterusan

Rakaniaga diharapkan agar terus bertambah baik dengan menetapkan objektif prestasi, melaksanakan rancangan pelaksanaan dan mengambil tindakan pembetulan yang diperlukan untuk kekurangan yang dikenal pasti oleh penilaian dalaman atau luaran, pemeriksaan dan semakan pengurusan.

2.7. Kesediaan dan Respons Kecemasan

Rakaniaga patutlah mempunyai plan kecemasan dan prosedur respons yang berkesan.

2.8. Pengenalpastian Kebimbangan (Mekanisma Aduan)

Rakaniaga hendaklah berusaha untuk mewujudkan mekanisma aduan di mana pihak berkepentingan dalaman dan luaran boleh melaporkan kebimbangan, aktiviti menyalahi undang-undang atau pelanggaran Kod di tempat kerja tanpa ancaman atau tindakan pembalasan, ugutan atau gangguan sebenar.

2.9. Respons dan Pemulihan

Rakaniaga hendaklah menyiasat dengan betul dan bertindak balas terhadap insiden atau kebimbangan yang berkaitan dengan Kod, mengambil tindakan pembetulan yang perlu dan menyediakan pemulihan di mana diperlukan.

2.10. Komunikasi Berkesan

Rakaniaga hendaklah mempunyai sistem yang berkesan untuk menyampaikan Kod ini kepada pihak berkepentingan yang berkaitan termasuk pekerja, kontraktor dan pembekal.

3. Etika

Rakaniaga hendaklah menjalankan perniagaan mereka secara beretika dan bertindak dengan integriti.

3.1. Keselamatan Pesakit dan Akses kepada Maklumat

Rakaniaga hendaklah mempunyai proses pengurusan yang mencukupi untuk meminimumkan risiko memberi kesan buruk kepada hak pesakit, termasuk hak mereka terhadap kesihatan dan mengakses maklumat mereka secara langsung.

3.2. Anti-Sogokan dan Rasuah

Segala bentuk sogokan, rasuah, peras ugut dan penyelewengan termasuk pembayaran wang pemudahan adalah dilarang. Rakaniaga tidak boleh membayar atau menerima rasuah atau terlibat dalam sebarang bentuk dorongan rasuah dalam hubungan perniagaan atau kerajaan, atau melalui penggunaan perantara untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil. Rakaniaga hendaklah memastikan mereka mempunyai polisi dan sistem yang mencukupi bagi tujuan mencegah rasuah dan mematuhi undang-undang yang berkenaan.

3.3. Persaingan Adil

Rakaniaga hendaklah menjalankan perniagaan mereka selaras dengan persaingan yang adil dan sengit serta mematuhi semua undang-undang anti-monopoli yang terpakai. Rakaniaga hendaklah menggunakan amalan perniagaan yang adil, termasuk pengiklanan yang tepat dan benar.

3.4. Kebajikan Haiwan

Jika Rakaniaga menggunakan haiwan dalam aktiviti perniagaan mereka, haiwan tersebut hendaklah dilayan secara berperikemanusiaan dengan kesakitan dan tekanan yang diminimumkan. Ujian haiwan hanya boleh dilakukan selepas mempertimbangkan kaedah alternatif untuk menggantikan haiwan, mengurangkan bilangan haiwan yang digunakan atau menapis prosedur untuk meminimumkan kepayahan. Kaedah alternatif hendaklah digunakan apabila sah secara saintifik dan boleh diterima oleh pengawal selia.

3.5. Privasi dan Keselamatan Data

Rakaniaga hendaklah mematuhi undang-undang privasi dan perlindungan data yang berkenaan serta memastikan perlindungan, keselamatan dan penggunaan data peribadi yang sah.

3.6. Pengelakan dan Pengurusan Konflik Kepentingan

Rakaniaga hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk mengenal pasti, mengelakkan dan mengurus konflik kepentingan. Rakaniaga diharapkan untuk memberitahu Eisai dan pihak lain yang terjejas



tentang sebarang konflik kepentingan yang ketara atau berpotensi.

3.7. Perlindungan dan Kualiti Produk

Rakaniaga hendaklah memastikan sistem pengurusan dan keselamatan disediakan untuk melindungi produk, komponen dan ramuan daripada risiko pemalsuan, penipuan atau kecurian yang bertujuan penjualan semula tanpa kebenaran.

4. Hak Asasi Manusia

Rakaniaga hendaklah menghormati hak asasi manusia pihak berkepentingan dalaman dan luaran dengan memastikan layanan yang bermaruah dan penuh hormat.

4.1. Pekerjaan yang Dipilih Secara Bebas

Rakaniaga tidak boleh menggunakan buruh paksa, terikat hutang atau terikat, buruh penjara tanpa sukarela atau mengambil bahagian dalam pemerdagangan manusia atau sebarang bentuk perhambaan moden. Tiada pekerja yang harus membayar untuk perkerjaan atau dinafikan kebebasan bergerak.

4.2. Buruh Kanak-Kanak dan Pekerja Muda

Rakaniaga tidak boleh menggunakan buruh kanak-kanak. Penggajian pekerja muda di bawah umur 18 tahun hanya boleh berlaku dalam kerja yang tidak berbahaya dan hanya apabila pekerja muda telah melebihi umur sah untuk pekerjaan atau melebihi umur yang ditetapkan untuk menamatkan pendidikan wajib.

4.3. Tiada Diskriminasi

Rakaniaga hendaklah berusaha untuk kesaksamaan, menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada diskriminasi atas sebab-sebab seperti bangsa, warna kulit, umur, kehamilan, jantina, orientasi seksual, etnik, ketidakupayaan, agama, kecenderungan politik, keahlian kesatuan sekerja atau status perkahwinan.

4.4. Layanan Adil

Rakaniaga hendaklah menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan, layanan yang kasar dan tidak berperikemanusiaan, termasuk sebarang gangguan seksual, penderaan seksual, hukuman badan, paksaan mental atau fizikal atau penderaan lisan terhadap pekerja, dan tidak mengancam dengan sebarang layanan sedemikian.

4.5. Gaji, Manfaat dan Waktu Bekerja

Rakaniaga hendaklah membayar pekerja mengikut undang-undang gaji yang berkenaan, termasuk gaji minimum, waktu kerja lebih masa dan manfaat yang diwajibkan. Rakaniaga hendaklah berkomunikasi dengan pekerja mereka secara tepat pada masanya mengenai asas imbuhan mereka. Rakaniaga juga diharapkan untuk berkomunikasi dengan pekerja mereka sama ada kerja lebih masa diperlukan dan gaji yang perlu dibayar untuk kerja lebih masa tersebut. Kerja lebih masa hendaklah konsisten dengan piawaian nasional dan antarabangsa yang berkenaan.

4.6. Kebebasan Berpersatuan dan Hak untuk Perundingan Kolektif

Komunikasi terbuka dan penglibatan langsung dengan pekerja untuk menyelesaikan masalah tempat kerja dan imbuhan adalah digalakkan. Rakaniaga hendaklah menghormati hak pekerja, seperti yang dinyatakan dalam undang-undang tempatan, untuk bergaul secara bebas, menyertai atau tidak menyertai kesatuan sekerja, mendapatkan perwakilan dan menyertai majlis pekerja, serta berunding secara kolektif. Apabila hak untuk kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif dihadkan oleh undang-undang, majikan (iaitu, Rakaniaga) hendaklah memudahkan dan tidak menghalang kaedah selari untuk permuafakatan dan rundingan secara bebas. Pekerja hendaklah dapat berkomunikasi secara terbuka dengan pihak pengurusan mengenai keadaan kerja tanpa rasa takut akan tindakan balas.

4.7. Komuniti Tempatan

Rakaniaga hendaklah menghormati hak komuniti tempatan di sekitar tapak mereka termasuk hak untuk mendapatkan persekitaran yang bersih dan sihat.

5. Kesihatan dan Keselamatan

Rakaniaga hendaklah menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta menyokong kesejahteraan pekerja. Langkah-langkah Kesihatan dan Keselamatan hendaklah dilanjutkan kepada kontraktor dan



5.1. Keselamatan Persekitaran Kerja

Rakaniaga hendaklah menyediakan penilaian risiko dan pelan kecemasan yang mencukupi untuk memastikan keselamatan persekitaran kerja. Maklumat keselamatan yang berkaitan dengan bahan berbahaya – termasuk sebatian farmaseutikal dan bahan perantaraan farmaseutikal – hendaklah disediakan dan digunakan untuk mendidik, melatih dan melindungi pekerja daripada bahaya. Rakaniaga hendaklah menunjukkan amalan penjagaan kebersihan yang baik dan budaya keselamatan.

5.2. Perlindungan Pekerja, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja

Rakaniaga hendaklah melindungi pekerja daripada pendedahan berlebihan kepada bahaya kimia, biologi dan fizikal. Peralatan pelindung diri, kemudahan dan perkhidmatan yang sesuai hendaklah disediakan untuk menyokong keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerja.

5.3. Keselamatan Proses

Rakaniaga hendaklah mempunyai proses pengurusan untuk mengenal pasti risiko proses kimia dan biologi dan mengelakkan pelepasan memudaratkan ejen kimia atau biologi ke alam sekitar.

6. Alam Sekitar

Rakaniaga hendaklah beroperasi secara bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan cekap untuk meminimumkan kesan buruk terhadap alam sekitar serta membantu Rakaniaga mereka sendiri melakukan perkara yang sama. Rakaniaga digalakkan untuk memulihara sumber asli, mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG), memelihara biodiversiti dan air bersih dan meminimumkan dan mengawal penggunaan bahan berbahaya.

6.1. Keizinan dan Pelaporan Alam Sekitar

Rakaniaga hendaklah mematuhi semua peraturan alam sekitar yang berkenaan. Semua permit alam sekitar, lesen, pendaftaran maklumat dan sekatan yang diperlukan mesti diperolehi dan keperluan operasi dan pelaporan mesti dipatuhi.

6.2. Pengurusan Sisa dan Pelepasan

Rakaniaga hendaklah mempunyai proses atau sistem untuk memastikan pengendalian, pergerakan, penyimpanan, pelupusan, kitar semula, penggunaan semula atau pengurusan sisa, pelepasan udara dan pembuangan air sisa yang selamat. Sebarang sisa, air buangan atau pelepasan yang berpotensi memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia atau alam sekitar mesti diurus, dikawal dan dirawat dengan sewajarnya sebelum dilepaskan ke alam sekitar. Ini termasuk menguruskan pelepasan bahan aktif farmaseutikal ke alam sekitar.

6.3. Perubahan Iklim

Rakaniaga hendaklah memantau dan mengurangkan pelepasan GHG mereka dan menyokong rakaniaga mereka untuk melakukan perkara yang sama.

6.4. Kecekapan Sumber

Rakaniaga hendaklah berusaha untuk pengitaran, mengurangkan sisa, mengambil langkah untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan penggunaan sumber termasuk air. Rakaniaga juga patutlah mengutamakan sumber yang boleh diperbaharui dan mampan. Mereka hendaklah mengambil langkah untuk mengguna semula dan mengitar semula.

6.5. Pemuliharaan Biodiversiti

Rakaniaga hendaklah memahami impak mereka terhadap biodiversiti dan mengurangkan jejak mereka di mana sahaja yang mungkin.

6.6. Pencegahan Tumpahan dan Pelepasan

Rakaniaga hendaklah mempunyai sistem untuk mencegah dan mengurangkan tumpahan dan pelepasan yang tidak disengajakan kepada alam sekitar dan kesan buruk kepada masyarakat setempat.

(Dokumen tamat)